

13/10/2003

Pakar akan kaji dokumen dari Singapura

Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Malaysia sudah mengarahkan beberapa pegawai Wisma Putra untuk menghubungi Singapura bagi membincangkan penubuhan kumpulan pakar bebas secepat mungkin bagi mengkaji kesan penambakan laut yang dilakukan republik itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia juga akan berusaha mendapatkan dokumen mengenai pelan dan kerja penambakan laut yang dilakukan Singapura untuk dikaji seperti terkandung dalam perintah Tribunal Antarabangsa bagi Undang-undang Laut (ITLOS).

"Kita sudah minta pegawai Wisma Putra berhubung dengan Singapura secepat mungkin dan menurut perintah ITLOS, kedua-dua pihak perlu mewujudkan mekanisme perundingan secara lebih kerap.

"Malah, perintah tribunal ini turut menuntut Singapura mematuhi komitmen yang diperuntukkan untuk bekerjasama dengan Malaysia, dan ini kita akan tentukan serta memantau sama ada mereka benar-benar mematuhinya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sebelum itu, beliau melepaskan peserta Larian Keamanan Rakyat Malaysia anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) yang disertai kira-kira 10,000 orang daripada pelbagai peringkat.

Semalam, akhbar melaporkan Perdana Menteri mahu jawatankuasa pakar seperti diarahkan ITLOS segera ditubuhkan berikutan keengganan Singapura menghentikan projek penambakan laut di Tuas dan Pulau Tekong.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan jawatankuasa itu akan menentukan sama ada tindakan Singapura meneruskan kerja penambakan laut itu boleh menimbulkan kesan buruk atau sebaliknya.

Syed Hamid berkata, selain pelantikan pakar bebas dari luar negara, Malaysia akan turut melantik pakar rujuk tempatan yang akan menjelaskan pendirian negara ini dengan sebaik mungkin.

Beliau berkata, keputusan ITLOS pada 9 Oktober lalu juga dianggap menguntungkan Malaysia kerana Singapura kini diarah bekerjasama bagi menyelesaikan isu penambakan yang tidak diambil peduli sebelum ini.

Sementara itu, mengulas tindakan Singapura yang masih berdegil meneruskan kerja penambakan laut, Syed Hamid berkata, republik itu sebenarnya tidak memahami kandungan mengenai keputusan yang dibuat ITLOS.

Beliau berkata, Singapura sewajarnya menghentikan segala kerja penambakan sehingga kumpulan pakar ditubuhkan bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak.

"Inti pati penghakiman itu sebenarnya adalah sebagai peringatan dan pemberitahuan kesan kerja penambakan kepada alam sekitar dan ekologi.

"Mereka (Singapura) cuba menidakkan isi sebenar dalam tribunal, kita hanya mahu mereka menghentikan kerja penambakan sehingga kumpulan pakar ditubuhkan. Apa salahnya mereka berhenti sekejap, baru setahun lebih saja," katanya.

Syed Hamid juga berharap Singapura tidak akan mengambil sikap terus berdegil sebaliknya mahu bekerjasama dengan jirannya kerana ia boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.